

Mesyuarat Jawatankuasa PAS Pusat putuskan tidak tuntutan jawatan MB Selangor
Malaysian Insider
Sept 7, 2014
OLEH MOHD FARHAN DARWIS

Mesyuarat Jawatankuasa PAS Pusat hari ini memutuskan untuk kekal dengan pendirian mereka sebelum ini iaitu tidak menuntut kerusi menteri besar Selangor, kata Setiausaha Agung PAS Datuk Mustafa Ali.

Mustafa berkata, PAS juga memutuskan untuk menyerahkan kepada budi bicara Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah memutuskan nama menteri besar Selangor yang baharu.

Mustafa memaklumkan perkara itu pada sidang media di Pejabat Agung PAS, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur, selepas mesyuarat yang diadakan selama 5 jam itu selesai, hari ini.

Mesyuarat itu bermula jam 10 pagi tadi dipengerusikan Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu.

Keputusan itu dicapai dalam mesyuarat berkenaan ketika tersebar berita mengenai Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang menghantar 3 nama sebagai calon menteri besar Selangor termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) yang juga exco daripada PAS, Iskandar Samad.

Ketika ditanya, apakah tindakan PAS jika istana menawarkan PAS jawatan itu, Mohamad berkata: "Kita tolaklah."

Ketika mengulas tindakan PAS meletakkan nama Iskandar yang juga pesuruhjaya PAS Selangor, Mustafa berkata, ia tidak akan menjadi isu.

"Nama tidak apa. Tuanku cuma minta cadangan. Nama tidak jadi persoalan," katanya mengulas kedudukan pencalonan Iskandar.

Mustafa berkata, mesyuarat itu juga mengesahkan jawatan menteri besar Selangor adalah hak PKR.

"PAS bersetuju jawatan menteri besar Selangor untuk PKR," katanya.

Mustafa berkata, keputusan itu dimaklumkan kepada presiden PAS dan beliau bersetuju dengannya.

Pada 2 September, PAS menghantar 3 nama yang terdiri daripada seorang exco PAS Selangor dan 2 Adun daripada PKR untuk dipilih sebagai MB Selangor.

Namun pada 3 September, iaitu hari akhir yang ditetapkan Istana Selangor, sekali lagi PAS menghantar surat dan kali ini menamakan 2 Adun PKR dan seorang Adun PAS sebagai calon.

Hadi sendiri dikatakan menghantar surat itu ke Istana Selangor.

Susulan terdedahnya berita ini, PKR dan DAP memberikan reaksi negatif kerana sebelum ini PAS menegaskan beberapa kali hanya akan menghantar calon daripada PKR. – 7 September, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mesyuarat-jawatankuas-a-pas-pusat-putuskan-tidak-tuntut-jawatan-mb-selangor>